

15 DEC 1996

QARI MESIR, QARIAH THAI JOHAN TILAWAH AL-QURAN KE-38

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Qari dari Mesir dan Qariah dari Thailand menjadi johan pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-38 yang berakhir hari ini.

Al Sheikh Mekkawi Mahmoud Mohamed mengalahkan 28 qari yang mengambil bahagian pada pertandingan yang berjalan selama seminggu.

Tempat kedua dimenangi oleh Ahyar Rosadi dari Indonesia manakala Abdul Latif H.Daud dari Filipina mendapat tempat ketiga.

Bahagian wanita pula, Sainap Abdulromae mendapat tempat pertama, Isnairah Bantayao dari Filipina mendapat tempat kedua sementara peserta Malaysia Hanisah Abdullah mendapat tempat ketiga.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan saguhati kepada semua peserta.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima RM10,000, piala pusingan dan piala iringan. Pemenang kedua menerima RM7,000 dan pemenang ketiga menerima RM5,000 manakala para peserta lain mendapat sagu hati RM1,000. Kesemua peserta juga menerima plak dan sijil penyertaan.

Seramai 45 peserta mengambil bahagian pada tilawah tahun ini. Mereka terdiri daripada 28 orang qari dan 17 qariah.

Majlis tilawah itu dihakimi oleh 11 orang hakim dari Mesir, Magribi, Turki, Iraq, Libya, Brunei, Indonesia, Thailand dan Malaysia.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali pada majlis penutupan tilawah.

-- BERNAMA

HAK AHH